

IMBANGAN PEMBAYARAN , KAITANNYA DENGAN KADAR PERTUKARAN DAN EKONOMI SECARA KESELURUHAN.

Abd. Rahman Sidek

ABSTRAK

Mutakhir ini ramai di antara kita telah menunjukkan minat yang ketara terhadap beberapa petunjuk ekonomi ekoran dari kemelesetan ekonomi yang melanda rantau ini khasnya negara kita. Antara petunjuk ekonomi yang menarik perhatian ramai ialah Imbangan Pembayaran (Balance of Payments). Rencana ini hanya menyentuh secara ringkas tentang kepentingan dan fungsi Imbangan Pembayaran kepada sesebuah ekonomi.

APAKAH IMBANGAN PEMBAYARAN @ BOP?

Secara umumnya Imbangan Pembayaran didefinisikan sebagai satu akaun yang merekodkan semua urusan yang dibuat oleh penduduk sesebuah negara dengan penduduk negara-negara lain dalam masa satu tahun biasanya di antara 1 Januari dan 31 Disember tahun berkenaan. Imbangan Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk umum iaitu di antara sebuah negara dengan semua negara yang berdagang dengannya atau dalam bentuk yang lebih terperinci iaitu antara sebuah negara dengan sebuah negara lain. Contohnya Malaysia dengan India.

APAKAH FUNGSI BOP KEPADA SESEBUAH EKONOMI

Melalui Imbangan Pembayaran kita dapat melihat nilai perdagangan yang telah dilakukan sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan dan juga nilai pelaburan yang telah dibuat antara kedua-dua buah negara. Imbangan Pembayaran juga dapat menunjukkan negara mana yang memperolehi keuntungan dari aktiviti perdagangan antarabangsa. Yang paling penting Imbangan Pembayaran merupakan antara petunjuk yang paling signifikan sebagai panduan kepada kerajaan dalam menggubal dasar-dasar ekonomi. Dalam ekonomi terdapat dua dasar utama yang akan menjadi tunjang kepada dasar-dasar yang lain iaitu :

1. Dasar Fiskal yang berhubung dengan polisi perbelanjaan kerajaan dan percukaian negara.
2. Dasar Monetari yang berhubung dengan bekalan wang dan kadar faedah dalam negara. Dasar ini biasanya dilaksanakan oleh Bank Pusat.

PERANAN BOP SEBAGAI PETUNJUK KEPADA PEMBUAT POLISI EKONOMI

Berdasarkan teori ekonomi makro sesebuah kerajaan mesti mengelak daripada mengalami Imbangan Pembayaran defisit bagi memastikan kadar pertukaran wang yang stabil dalam usaha mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kadar inflasi dan pengangguran yang rendah serta agihan pendapatan yang stabil.

Malangnya tidak ada sebuah negara di dunia ini walau sehebat mana perancangan mereka dapat mencapai semuanya dalam satu masa. Ini merupakan satu dilema yang tidak dapat dielakkan. Umpamanya

dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi sesebuah negara mungkin akan menghadapi kadar pertukaran yang tidak stabil dan juga inflasi.

Ini berlaku kerana dalam usaha mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi sesebuah kerajaan mesti memastikan permintaan agregat domestik yang tinggi dengan cara menaikkan perbelanjaan kerajaan melalui projek-projek besar seperti pembinaan lebuh raya ataupun bangunan-bangunan tinggi yang akhirnya akan menambah peluang pekerjaan dan menaikkan pendapatan penduduk. Permintaan Agregat yang tinggi akhirnya boleh menyebabkan inflasi.

Negara juga perlu mengimport barang-barang modal dan kepakaran asing dalam usaha mencapai matlamat berkenaan. Sekiranya eksport negara berkenaan tidak dapat mengimbangi import maka akan berlakulah defisit imbalan dagangan. Sekiranya komponen-komponen lain BOP tidak dapat mengimbangi defisit ini akhir Imbalan Keseluruhan BOP akan juga menjadi defisit.

Di dalam perakaunan pendapatan negara mengikut kaedah perbelanjaan salah satu item yang amat signifikan ialah perbelanjaan kerajaan menjadikan sebarang perubahan ke atas item ini boleh mengubah pendapatan negara yang biasanya disebut sebagai KDNK. Pertumbuhan ekonomi pula diukur dari perubahan pendapatan negara tahun semasa dengan tahun sebelumnya dalam bentuk peratusan. Perlu diingat pertumbuhan ekonomi yang tinggi amat penting bagi sesebuah kerajaan sebagai bukti kecekapan pengurusan ekonomi mereka kepada badan-badan kewangan antarabangsa.

BAGAIMANA IMBANGAN PEMBAYARAN DIBINA

Ia dibina berdasarkan pada empat komponen utama iaitu dua komponen utama ialah akaun semasa dan

akaun modal yang mempunyai sub-komponen masing-masing . Komponen-komponen berkenaan ialah :-

i. Akaun Semasa

Sub-komponen terdiri dari

- a. Akaun Dagangan Nampak
- b. Akaun Dagangan Tidak Nampak
- c. Pindahan Bersih

Ini akan membentuk Imbangan Akaun Semasa

ii. Akaun Modal

Sub-komponen terdiri dari

- a. Akaun Modal Jangka Panjang
- b. Akaun Modal Jangka Pendek

Ini akan membentuk Imbangan Akaun Modal

iii. Item Pengimbang

iv. Pembiayaan rasmi

APAKAH MAKSUD DEFISIT DAN LEBIHAN IMBANGAN PEMBAYARAN?

Apabila kita membincangkan Imbangan Pembayaran, dua istilah yang tidak dapat dipisahkan ialah lebihan dan defisit. Secara umumnya lebihan Imbangan Pembayaran bererti sesebuah negara mengalami aliran masuk matawang asing melebihi aliran keluar matawang negara berkenaan dan defisit imbangan pembayaran membawa maksud yang sebaliknya. Contohnya defisit imbangan dagangan nampak (juga disebut imbangan dagangan sahaja) bererti import melebihi eksport. Perlu diingat bahawa belanjawan defisit atau belanjawan lebihan memberi makna yang berbeza.

Untuk memahaminya dengan lebih jelas sila rujuk kepada contoh struktur Imbangan Pembayaran yang telah dipermudahkan di bawah.

Imbangan Pembayaran Negara X Bagi Tahun Berakhir
31 Dis. 1998

I.	Akaun Semasa	(Juta)	
a.	Akaun Dagangan Nampak		
	Eksport		4,000
	-Import		<u>5,000</u>
	Imbangan Dagangan		-1,000
b.	Akaun Dagangan Tidak Nampak		
	Perkhidmatan (Penerimaan)		3,000
	-Perkhidmatan (Pembayaran)		<u>5,000</u>
	Perkhidmatan Bersih		-2,000
c.	Pindahan Bersih		4,000
	Imbangan Dagangan Tidak Nampak		+2,000
	Imb. A/k Semasa		
	(Imb.A/k Nampak+Tidak Nampak)		1,000
II.	Akaun Modal		
a.	Akaun Modal Jangka Panjang		
	Modal Rasmi (Penerimaan)		1,000
	Modal Swasta (Penerimaan)		<u>1,000</u>
	Imbangan Akaun Modal		
	Jangka Panjang		+2,000
	Imb. Asas		
	(Imb.Akaun Semasa+Modal J/Pjg)		3,000

b. Akaun Modal Jangka Pendek	
Modal Rasmi (Penerimaan)	1,000
Modal Swasta (Pembayaran)	<u>2,000</u>
Imbangan Akaun Modal	
Jangka Pendek	-1,000
Imb.A/k Modal	
(Imb.A/k Modal J/Pjg + J/Pdk)	+1,000
Imbangan Kasar	
(Imb.Akaun Semasa + Modal)	+2,000
III. Item Pengimbang	
a. Kesilapan Dan Ketinggalan	2,00
b. Imbangan Bersih	
(Imb.Kasar-Item Pengimbang)	+1,800
IV. Pembiayaan Rasmi	
a. Bayaran Balik Hutang Negara	8,00
b. Pengeluaran Dari IMF	Nil
Imbangan	
Keseluruhan	+1,000
*Rizab Rasmi Kerajaan	
Di Bank Pusat	<u>-1,000</u>
	<u>0</u>
*Rizab yang negatif menunjukkan pertambahan	

HURAIAN

Berdasarkan contoh tersebut secara keseluruhannya Negara X berada dalam kedudukan yang menguntungkan. Ini ditunjukkan oleh lebih BOP yang akhirnya meningkatkan rizab rasmi kerajaan yang akan disimpan di Bank Pusat negara berkenaan. Perkataan Imbangan membawa maksud bahawa pada penutup kira-kira BOP perlulah dikosongkan (zerorised).

Ringkasnya jika berlaku lebih ia perlu disimpan di Bank Pusat sebagai rizab rasmi kerajaan (tanda -ve di dalam laporan BOP menunjukkan ia dihantar ke Bank Pusat). Peningkatan rizab akan menyebabkan pengukuhan nilai matawang sesebuah negara. Sebaliknya jika berlaku defisit rizab rasmi kerajaan di Bank Pusat akan dikeluarkan (tanda +ve menunjukkan pengeluaran). Pengurangan rizab akan menyebabkan nilai matawang sesebuah negara akan merosot.

Kita juga dapat melihat bahawa negara X mengalami defisit akaun dagangan sebanyak 1,000 akibat berlakunya lebih import. Begitu juga berlaku defisit pada akaun dagangan tidak nampak tapi akhirnya diimbangi oleh bayaran pindahan. Dalam analisis BOP bayaran pindahan membawa maksud pemberian atau bantuan dari negara lain yang tidak perlu dibayar balik. Perlu diingat di dalam perakaunan pendapatan negara bayaran pindahan membawa maksud yang berbeza.

Di bawah akaun modal, modal rasmi merujuk kepada pinjaman atau pelaburan oleh kerajaan. Sementara modal swasta merujuk kepada pelaburan korporat oleh sektor swasta. Sebagai contoh sekiranya kerajaan Filipina mengadakan projek usaha sama dengan kerajaan Malaysia di Filipina, ia dimasukkan sebagai aliran keluar modal dan direkod sebagai modal rasmi (pembayaran). Sebaliknya jika pelabur Indonesia membina kilang di Malaysia ia dianggap sebagai modal swasta (penerimaan). Jangka pendek biasa merujuk kepada 1 sehingga 5 tahun dan jangka panjang melebihi 5 tahun. Walau bagaimanapun tafsiran jangka masa bergantung kepada kerajaan masing-masing.

Item pengimbang pula digunakan untuk memperbaiki sebarang kesilapan dan ketinggalan semasa merekodkan data berkenaan. Biasanya jumlahnya agak kecil. Di Malaysia data BOP dikumpul dan dianalisis di Jabatan Imbangan Pembayaran Bank Negara Malaysia. Sebarang eksport atau import perlu direkodkan di dalam borang

KPW yang terdapat di Jabatan Kastam & Eksais Diraja, Bank-bank perdagangan dan BNM sendiri

Pembiayaan rasmi pula merekodkan sebarang bayaran hutang, bayaran kepada IMF dan sebagainya. Ia juga merekodkan sekiranya kerajaan ada mengeluarkan simpanan di IMF yang dikenali sebagai hak pengeluaran khas.

HUBUNGAN IMBANGAN PEMBAYARAN DAN KADAR PERTUKARAN

Pada zaman ini sesebuah negara tidak boleh mengamalkan dasar sara diri secara seratus peratus walaupun mereka mengamalkan dasar ekonomi tertutup. Walau bagaimanapun sistem barter masih diamalkan. Kebaikan sistem ini ialah negara tidak memerlukan wang sebagai alat pertukaran. Namun begitu ia amat terhad dan selebihnya semua kegiatan perdagangan antarabangsa memerlukan matawang. Pada kebiasaannya semua negara mempunyai matawang tersendiri dan nilainya mestilah diiktiraf oleh negara-negara lain. Setiap negara di dunia akan menjadi ahli kepada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan perlu membuat sumbangan mengikut peratusan tertentu dari pendapatan negara mereka. Sehingga kini Amerika Syarikat masih lagi penyumbang dana terbesar.

Apabila sesebuah negara mengeluarkan matawang contohnya Ringgit Malaysia ia perlukan sandaran. Setiap ringgit yang dikeluarkan akan disandarkan kepada rizab negara iaitu :-

- i. Emas – Terdiri dari jongsong-jongsong emas tulin yang disimpan di Bank Pusat, IMF, Bank Dunia dsbnya.
- ii. Matawang-matawang asing seperti USD, Pound Sterling, SGD, Deutcmark dll matawang utama dunia.
- iii. Hak Pengeluaran Khas di IMF.

Secara mudah wang boleh diumpamakan sebagai sekeping cek. Sekiranya seseorang membuka akaun semasa di bank perdagangan beliau akan diberikan buku cek. Cek-cek berkenaan mempunyai nilai selagi simpanan masih ada. Semakin tinggi jumlah simpanan semakin tinggi nilai cek berkenaan. Begitu juga dengan matawang semakin tinggi rizab semakin kukuh nilainya.

Oleh yang demikian BOP amat penting peranannya bagi sesebuah ekonomi. Sekiranya berlaku defisit yang terlalu besar dan berterusan nilai matawang sesebuah negara pasti akan merosot kerana rizab akan digunakan bagi mengimbangi defisit berkenaan. Di samping nilai matawang yang merosot defisit juga boleh menyebabkan edaran matawang kita di pasaran tukaran asing menjadi berlebihan.

Contoh yang mudah ialah sekiranya negara kita mengalami defisit imbalan dagangan iaitu import melebihi eksport para pengimport terlebih dahulu akan menukarkan RM kepada Dollar Amerika (USD). Mereka akan pergi ke bank-bank perdagangan dengan menawarkan RM untuk ditukarkan kepada USD. Bank berkenaan melalui peniaga matawang mereka akan cuba mencari pembeli RM di merata dunia melalui BNM. Sekiranya secara agregat penawaran RM terlalu tinggi maka nilai yang ditawarkan oleh pembeli akan menjadi rendah.

Kesimpulannya fasa pertama wang hanyalah sebagai alat pertukaran iaitu pembeli akan menggunakannya untuk mendapatkan barangan yang mereka perlukan. Tetapi apabila wang memasuki fasa kedua secara automatik wang pula akan menjadi barangan yang nilainya akan ditentukan oleh hukum penawaran dan permintaan. Di sinilah mula berlakunya unsur-unsur spekulatif iaitu nilai wang akan menjadi tinggi atau rendah bukan lagi bergantung kepada peranannya sebagai alat pertukaran tetapi sebagai barangan yang boleh memberi keuntungan kepada pemiliknya.

RUJUKAN:

Sloman J, Economics
Prentice Hall Second Edition, 1994

Kementerian Kewangan
Laporan Ekonomi 97/98

Hashim Ali, Comprehensive Economics Guide
Oxford University Press, 1998

Case K.E and Fair R.C Principles of Economics
3rd Edition Prentice Hall, 1994